MOH/K/BPM/04.21(BP)-e

DASAR PEMAKANAN KEBANGSAAN MALAYSIA 2.0

NATIONAL NUTRITION POLICY OF MALAYSIA 2.0

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA
2021

DASAR PEMAKANAN KEBANGSAAN MALAYSIA 2.0

DASAR PEMAKANAN KEBANGSAAN MALAYSIA 2.0

ISBN 978-967-19598-1-7

9 7 8 9 6 7 1 9 5 9 8 1 7

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Pengarah
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 1, Blok E3, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
MALAYSIA

http://nutrition.moh.gov.my

Tel: 03-8892 4456 | Fax: 03-8892 4511

Cetakan Pertama 2021.

© Kementerian Kesihatan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara.
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Permohonan kebenaran tersebut hendaklah dialamatkan kepada Pengarah Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.



KANDUNGAN

Perutusan Perdana Menteri Malaysia | iv
Perutusan Menteri Kesihatan Malaysia | v
Prakata oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia | vi
Prakata oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia | vii
Prakata oleh Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan untuk Makanan dan Pemakanan | viii
Senarai Singkatan Kata | ix
Ringkasan Eksekutif | x
Rangka Kerja Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0 | xiii

01 Kenyataan Dasar | 01

02 Pengenalan | 03

03 Situasi Pemakanan di Malaysia | 07

04 Visi | 15

05 Misi | 17

06 Strategi | 19

07 Mekanisme Pelaksanaan | 21

08 Pemantauan dan Penilaian | 25

Glosari | 27

Rujukan | 31

PERUTUSAN

PERDANA MENTERI MALAYSIA

Sejak beberapa dekad yang lalu, Malaysia telah mengalami perubahan drastik dalam trend penyakit, daripada penyakit berjangkit kepada penyakit tidak berjangkit. Peralihan daripada keadaan kekurangan pemakanan semasa era kemerdekaan kepada penyakit kronik berkaitan pemakanan, mengakibatkan masalah beban berganda malpemakanan, adalah sangat membimbangkan serta perlu diperhalusi dan ditangani dengan penuh kesungguhan.

Semakan semula Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM) ini adalah tepat pada masanya untuk menjadikannya relevan dengan isu-isu kesihatan semasa dan di masa depan. Dasar ini merupakan satu mandat daripada kerajaan yang menjadi pemacu untuk mengekalkan, meningkatkan dan mencapai kesejahteraan rakyat. Matlamat dasar ini adalah untuk meningkatkan taraf pemakanan penduduk, mengurangkan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan, serta memperkukuhkan sekuriti makanan dan pemakanan.

Usaha bersepadu daripada semua kementerian dan agensi yang relevan, serta badan bukan kerajaan dan sektor swasta untuk melaksanakan dasar ini merupakan asas dalam menangani cabaran-cabaran semasa, terutamanya trend penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan yang semakin meningkat. Saya percaya dasar ini akan memberikan panduan dan hala tuju yang sangat berguna terutamanya kepada pembuat dasar dan pelaksana.

Oleh itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia serta pemegang taruh lain yang telah terlibat sama dalam pembentukan dasar ini. Saya amat berharap agar dasar ini akan dilaksanakan untuk membina era baru rakyat yang mementingkan pemakanan dan ke arah Malaysia yang lebih sihat.

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Perdana Menteri Malaysia



PERUTUSAN

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

Perubahan demografi yang pesat dan transisi situasi pemakanan telah menyebabkan tabiat pemakanan yang tidak sihat serta gaya hidup tidak aktif dalam kalangan rakyat Malaysia. Perubahan ini sering dikaitkan dengan peningkatan prevalen penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan dalam masyarakat.

Walaupun pelbagai aktiviti dan kempen kesihatan telah dijalankan dalam beberapa dekad yang lalu, masalah kekurangan pemakanan dan peningkatan prevalen penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan yang berterusan telah meningkatkan kos penjagaan kesihatan dan mempengaruhi kualiti hidup secara keseluruhannya. Oleh itu, Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia telah dibangunkan untuk menangani cabaran-cabaran ini. Semakan dasar ini adalah amat penting selaras dengan komitmen berkaitan pemakanan yang telah dibuat di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa, termasuklah Matlamat Pembangunan Mampan (*The Sustainable Development Goals, SDGs*) dan Sasaran Pemakanan Global (*Global Nutrition Targets, GNT*).

Dalam usaha mencapai objektif dasar ini, kerjasama erat dan sinergi di antara kementerian, agensi, ahli akademik dan badan profesional perlu diperkukuhkan untuk melaksanakan strategi-strategi yang digariskan di dalam dasar ini. Pendekatan multisektoral ini akan memastikan pelaksanaan dan penyampaian intervensi pemakanan yang lebih berkesan, demi meningkatkan status pemakanan rakyat Malaysia.

Syabas diucapkan kepada Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam penyemakan dasar ini. Saya berharap agar dasar ini akan dijadikan rujukan utama oleh kementerian dan agensi lain serta strategi-strategi yang telah digariskan diambilkira untuk dimasukkan ke dalam pelaksanaan dasar dan program masing-masing. Dengan itu, agenda pemakanan di negara ini dapat diketengahkan untuk mencapai matlamat kita - kesihatan untuk semua.

YB Datuk Sri Dr. Adham Baba
Menteri Kesihatan Malaysia

KATA-KATA ALUAN

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kepesatan industrialisasi dan urbanisasi sejak beberapa dekad yang lalu telah banyak memberi impak terhadap persekitaran dan gaya hidup rakyat Malaysia. Tambahan pula, arus globalisasi juga secara langsung telah memberi kesan signifikan kepada amalan pemakanan dan seterusnya mempengaruhi prevalen penyakit tidak berjangkit atau *non-communicable diseases* (NCD) berkaitan pemakanan.

Meskipun pelbagai promosi dan pendidikan kesihatan telah dipergiatkan oleh pihak Kerajaan, NCD masih merupakan punca utama kematian pra-matang di Malaysia ketika ini. Di samping itu, prevalen malnutrisi terutamanya kes bantut dan susut di kalangan kanak-kanak bawah umur 5 tahun juga telah meningkat sejak beberapa tahun yang lalu. Peningkatan jumlah kes NCD ini amat membimbangkan serta merupakan satu cabaran yang besar kepada sistem kesihatan negara. Justeru, semakan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia sedia ada yang telah berkuatkuasa sejak tahun 2003 adalah langkah tepat pada masanya dan selari dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan bangsa yang aktif dan sihat.

Selain menggariskan hala tuju pembangunan pemakanan di Malaysia, pelaksanaan dasar ini juga diharapkan dapat memperkukuhkan sektor sekuriti makanan dan pemakanan negara, sekaligus memantapkan lagi daya usaha Kerajaan untuk menangani penyakit-penyakit kronik yang berkaitan dengan pemakanan. Pelaksanaan dasar ini akan melibatkan pelbagai pemegang taruh dari segenap sektor bagi memastikan perancangan serta pelaksanaan program-program makanan dan pemakanan adalah menyeluruh dan berkesan demi kemakmuran bersama.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam melestarikan agenda pemakanan negara melalui penggubalan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia. Marilah kita sama-sama mendukung dan melaksanakan dasar baharu ini bagi melahirkan masyarakat yang sihat dan negara sejahtera.



YBhg. Dato' Mohd Shafiq Bin Abdullah
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

KATA-KATA ALUAN

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia pertama kali dirangka dan diluluskan oleh Kabinet pada tahun 2003. Ia merupakan komitmen Malaysia terhadap Persidangan Pemakanan Antarabangsa (ICN) 1992 di Rom, untuk mewujudkan dasar kebangsaan yang bermatlamat untuk membasmi masalah pemakanan dan merubah sistem makanan, bagi memastikan makanan yang berkhasiat boleh diperoleh oleh semua.

Semakan dasar ini merupakan salah satu strategi yang signifikan di dalam Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) III, 2016-2025. Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan beban berganda malpemakanan dalam masyarakat, serta meningkatkan sekuriti makanan dan pemakanan melalui sistem makanan yang mampan.

Dalam hal ini, satu pendekatan dinamik yang melibatkan pelbagai sektor bagi menangani masalah beban berganda malpemakanan di Malaysia perlu diperkukuhkan, supaya strategi-strategi yang sensitif terhadap pemakanan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Harapan saya agar dasar ini dapat menyediakan satu tadbir urus yang baik bagi memastikan kerjasama yang lebih erat ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara peneraju dalam bidang pemakanan.

Oleh itu, saya mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam semakan dasar ini, terutamanya ahli Kumpulan Kerja Teknikal Dasar Pemakanan, atas komitmen penuh dan sumbangan yang diberikan. Diharapkan dasar ini akan digunakan secara meluas dan memberi manfaat kepada semua peringkat termasuk profesional kesihatan, pembuat dasar, pengurus program, penyelidik, pendidik, sektor swasta dan orang awam.

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

PRAKATA

PENGERUSI JAWATANKUASA PENYELARAS KEBANGSAAN UNTUK MAKANAN DAN PEMAKANAN

Malaysia telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam pembangunan sosioekonomi sejak kemerdekaannya pada tahun 1957. Malaysia turut dikenali di mata dunia sebagai sebuah negara yang memiliki sistem penjagaan kesihatan terbaik, dengan menyediakan perkhidmatan berkualiti dan infrastruktur yang canggih. Akan tetapi, walaupun memiliki sektor kesihatan yang bertambah baik, beberapa hasilan utama berkaitan amalan pemakanan yang kurang baik masih wujud, di mana ia telah menjadi isu kesihatan awam yang sederhana hingga serius

Justeru, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membangunkan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia dalam usaha menangani masalah malpemakanan. Pembangunan dan semakan dasar ini telah diterajui oleh Kumpulan Kerja Teknikal Dasar Pemakanan di bawah Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan untuk Makanan dan Pemakanan. Dasar ini merupakan satu mandat untuk memastikan rakyat Malaysia mencapai status pemakanan yang optimal, dengan menyediakan rangka kerja untuk pelaksanaan intervensi dan program yang sensitif dan spesifik terhadap pemakanan. Ia akan dapat memberi panduan dan memperkukuhkan kolaborasi diantara pelbagai sektor untuk melaksanakan dan memastikan pelaksanaan program-program pemakanan yang berimpak tinggi kepada kumpulan sasaran adalah berkesan. Kesejahteraan pemakanan yang semakin meningkat akan menurunkan beban penyakit dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada kumpulan kerja yang telah mencurahkan segala usaha untuk menyemak semula dan menyempurnakan semakan dasar ini. Sumbangan mereka yang mempunyai pelbagai latar belakang dan kepakaran amatlah dihargai. Semoga dasar ini akan menjadi pemangkin dalam mengintegrasikan dan menjadikan pemakanan sebagai agenda utama dalam semua pembangunan dan dasar-dasar negara.

Y.Bhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan untuk Makanan dan Pemakanan

SENARAI SINGKATAN KATA

DPKM
Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia

FAO
Food and Agriculture Organization
Pertubuhan Makanan dan Pertanian

GNT
Global Nutrition Targets
Sasaran Pemakanan Global

HES
The Household Expenditure Survey
Tinjauan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah

ICN
International Conference on Nutrition
Persidangan Pemakanan Antarabangsa

KKT
Kumpulan Kerja Teknikal

MANS
Malaysian Adult Nutrition Survey
Tinjauan Pemakanan Orang Dewasa Malaysia

MDG
Malaysian Dietary Guidelines
Garis Panduan Pemakanan Malaysia

MKMPK
Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan

NCCFN
National Coordinating Committee on Food and Nutrition
Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan untuk Makanan dan Pemakanan

NHMS
National Health and Morbidity Survey
Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi

NPANM
National Plan of Action for Nutrition of Malaysia
Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia

RNI
Saranan Pengambilan Nutrien

SDGs
Sustainable Development Goals
Matlamat Pembangunan Mampan

UN
United Nations
Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

WHO
World Health Organization
Pertubuhan Kesihatan Sedunia

WKB
Wawasan Kemakmuran Bersama

RINGKASAN EKSEKUTIF

Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM) telah julung kalinya dirangka dan diluluskan oleh kabinet pada tahun 2003. Pada tahun 2019, dasar ini telah disemak semula dan diperkukuhkan selari dengan perubahan pesat dalam corak pengambilan makanan dan peningkatan beban berganda malpemakanan di Malaysia. Dasar ini beriltizam untuk mencapai, meningkatkan dan mengekalkan kesejahteraan masyarakat. Matlamat dasar ini adalah untuk meningkatkan status pemakanan, mengurangkan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan dan memperkukuhkan sekuriti makanan dan pemakanan. Ia juga menyokong dan meningkatkan sistem makanan yang lestari bagi pemakanan yang sihat untuk masyarakat. Dasar ini akan menyepadukan, menggembleng tenaga dan menggerakkan strategi-strategi makanan dan pemakanan yang efektif melibatkan pelbagai pemegang taruh dari semua sektor. Visi DPKM adalah untuk mencapai kesejahteraan pemakanan untuk bangsa yang sihat. Sementara itu, misi dasar ini adalah untuk mengurangkan beban berganda malpemakanan serta meningkatkan sekuriti makanan dan pemakanan melalui sistem makanan yang lestari. Dasar ini juga bermatlamat untuk memperkukuhkan kolaborasi dan perkongsian pintar dengan pelbagai sektor dalam program dan strategi yang spesifik dan sensitif kepada pemakanan. Tiga belas strategi telah dikenalpasti ke arah mencapai misi yang telah ditetapkan ini.

KENYATAAN DASAR

Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia beriltizam untuk **mencapai, meningkatkan dan mengekalkan kesejahteraan rakyat**. Matlamat dasar ini adalah untuk **meningkatkan status pemakanan, mengurangkan prevalen penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan dan memperkukuhkan sekuriti makanan dan pemakanan**. Ia juga menyokong dan meningkatkan sistem makanan yang lestari bagi pemakanan yang sihat untuk masyarakat. Dasar ini akan menyepadukan, menggembleng tenaga dan menggerakkan strategi-strategi makanan dan pemakanan yang efektif melibatkan pelbagai pemegang taruh yang merentasi semua sektor.

VISI

KESEJAHTERAAN PEMAKANAN
UNTUK BANGSA YANG SIHAT

MISI

MENGURANGKAN BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN

Mengurangkan beban berganda malpemakanan dalam kalangan penduduk.

MEMPERTINGKATKAN SEKURITI MAKANAN DAN PEMAKANAN

Mempertingkatkan sekuriti makanan dan pemakanan melalui sistem makanan yang mampan.

MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA PELBAGAI SEKTOR

Memperkukuhkan kerjasama dan perkongsian pelbagai sektor dalam melaksanakan strategi serta program yang spesifik dan sensitif dengan pemakanan.



STRATEGI

1

Memasukkan objektif, pertimbangan dan komponen pemakanan
ke dalam pembangunan dasar, pelan tindakan dan program di peringkat kebangsaan.

2

Memperkukuh tadbir urus
pemakanan melalui perundangan dan komitmen politik yang padu serta sokongan daripada pemegang taruh utama dan masyarakat.

3

Memperkukuh sistem kesihatan
untuk menangani masalah beban berganda malpemakanan serta sekuriti makanan dan pemakanan secara berkesan dengan sumber yang mencukupi dan pengukuhan kapasiti.

4



Melibatkan, menggembleng tenaga dan mempergiatkan pihak berkepentingan yang berkaitan
dalam menyokong pelaksanaan strategi, program dan aktiviti yang sensitif dengan pemakanan.

5



Memastikan dan mempertingkatkan sekuriti makanan dan pemakanan
kepada semua terutamanya daripada kumpulan rentan melalui sistem makanan yang mampan termasuk kesediaan dan tindakbalas semasa kecemasan dan bencana kebangsaan.

6

Mendayaupaya individu, keluarga dan masyarakat
sebagai agen perubahan dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan pemakanan mereka.

7

Menyedia dan memantapkan
persekitaran kondusif yang menyokong amalan pemakanan sihat serta fasiliti merentasi pelbagai *setting* dan kumpulan sasar.

8

Memastikan semua lapisan masyarakat
berupaya mencapai teknologi dan maklumat pemakanan yang boleh dipercayai bagi membolehkan mereka membuat pilihan dan keputusan yang tepat.

9



Membangun dan melaksanakan strategi dan program
pencegahan, intervensi dan pemulihan pemakanan yang inovatif dan berkesan untuk menangani masalah beban berganda malpemakanan di semua setting dan peringkat.

10

Mempertingkat strategi dan program pemakanan
untuk bayi dan kanak-kanak kecil, remaja dan wanita dalam umur reproduktif.

11

Mempertingkat intervensi pemakanan kepada kumpulan rentan
termasuk Orang Asli, golongan miskin bandar, kanak-kanak tanpa dokumen, orang kelainan upaya serta kanak-kanak dan warga emas berkeperluan khas.

12

Membangun dan memperkukuh
keupayaan pemakanan kebangsaan ke arah penuaan yang sihat.

13

Memperkukuh keupayaan pemantauan dan penilaian
serta penyelidikan dan pembangunan dalam bidang makanan dan pemakanan merentasi sektor.

RANGKA KERJA DASAR PEMAKANAN KEBANGSAAN MALAYSIA 2.0

VISI

Kesejahteraan pemakanan untuk bangsa yang sihat.

KOMITMEN DI PERINGKAT ANTARABANGSA, SERANTAU DAN KEBANGSAAN

SDGs 2030 | GNT 2025 | Rome Declaration II on Nutrition and Framework for Action | WKB 2030 | RMK

NPANM

ISU & CABARAN

1. Beban berganda malpemakanan
2. Ketidakjaminan makanan dan pemakanan
3. Kurang kerjasama dari pelbagai sektor

STRATEGI

1. Mengintegrasikan pemakanan ke dalam dasar dan pelan tindakan kebangsaan
2. Memperkukuhkan tadbir urus pemakanan dan komitmen politik
3. Memperkukuh sistem kesihatan bagi menangani masalah beban berganda malpemakanan
4. Mempergiat dan menggembleng tenaga pihak berkepentingan
5. Memastikan sekuriti makanan dan pemakanan untuk semua
6. Mendayaupaya individu, keluarga dan masyarakat
7. Menyediakan persekitaran kondusif yang menyokong amalan pemakanan sihat
8. Memastikan capaian kepada teknologi dan maklumat pemakanan yang boleh dipercayai
9. Membangun dan melaksanakan program pemakanan yang efektif dan inovatif
10. Memperkukuh strategi pemakanan untuk kanak-kanak dan wanita dalam umur reproduktif
11. Memperkukuh intervensi pemakanan untuk kumpulan rentan
12. Memperkukuh keupayaan pemakanan ke arah penuaan yang sihat.
13. Memperkukuhkan pemantauan & penilaian serta keupayaan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang makanan & pemakanan

KEBERHASILAN

1. Status pemakanan dipertingkatkan
2. Beban penyakit tidak berjangkit dikurangkan
3. Sekuriti makanan dan pemakanan diperkukuhkan
4. Komponen pemakanan diintegrasikan ke dalam dasar kebangsaan
5. Agenda pemakanan diutamakan oleh pemegang taruh

01 KENYATAAN DASAR

Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia beriltizam untuk mencapai, meningkatkan dan mengekalkan kesejahteraan masyarakat. Matlamat dasar ini adalah untuk meningkatkan status pemakanan, mengurangkan prevalen penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan dan memperkukuhkan sekuriti makanan dan pemakanan. Ia juga menyokong dan meningkatkan sistem makanan yang lestari bagi pemakanan yang sihat untuk masyarakat. Dasar ini akan menyepadukan, menggembleng tenaga dan menggerakkan strategi-strategi makanan dan pemakanan yang efektif melibatkan pelbagai pemegang taruh yang merentasi semua sektor.

02 PENGENALAN

Malaysia telah mengalami pembangunan sosioekonomi yang pesat sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini termasuk perubahan trend mega dalam gaya hidup dan amalan pemakanan, yang seterusnya memberi kesan kepada kesejahteraan pemakanan dan pola penyakit dalam masyarakat.

Mengikut Laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) mengenai Penduduk Warga Emas Dunia 2019, dianggarkan populasi dunia berumur 65 tahun dan ke atas akan meningkat kepada 16% pada tahun 2050. Seiring dengan pertumbuhan penduduk warga emas dan peningkatan jumlah keseluruhan penduduk, kematian disebabkan oleh penyakit-penyakit tidak berjangkit dijangka akan meningkat sebanyak 15% di seluruh dunia di antara tahun 2010 dan 2020 (UNDESA, 2019). Ini menyumbang kepada kira-kira 70% kematian global pada tahun 2030. Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, dianggarkan pada tahun 2030, penduduk Malaysia akan mengalami penuaan dan Malaysia akan mencapai status "negara tua" dengan peratus penduduk berumur 60 tahun dan ke atas adalah 15.3% (DOSM, 2019). Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2015 telah melaporkan bahawa penyakit-penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan telah menyumbang kepada 73% kematian di negara ini (IKU, 2015), satu trend yang semakin meningkat dalam beberapa dekad ini.

Malaysia juga sedang berhadapan dengan masalah beban berganda malpemakanan, di mana masalah kekurangan dan berlebihan pemakanan wujud pada masa yang sama. Di samping masalah bantut dan susut dalam kalangan kanak-kanak bawah 5 tahun yang amat membimbangkan, obesiti dalam kalangan kanak-kanak dan penyakit-penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan turut meningkat. Dengan kenaikan angka-angka yang membimbangkan dan ramalan peningkatan beban penyakit ini, pencegahan dan pengawalan masalah beban berganda malpemakanan merupakan satu cabaran besar kepada penjagaan kesihatan negara.

Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM) yang pertama telah diluluskan oleh Kabinet pada tahun 2003 (MKMPK, 2005). Dasar ini bertujuan memastikan kesejahteraan penduduk dicapai dan dikekalkan melalui pemakanan. Matlamat dasar ini adalah untuk memastikan segenap lapisan masyarakat mendapat bekalan makanan yang mencukupi, berzat, selamat dan berkualiti. Ia juga menggalakkan dan menyokong strategi bagi amalan pemakanan yang sihat melalui gandingan pihak-pihak yang berkepentingan dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian program makanan dan pemakanan yang berkesan dan mampan. Bagi menterjemah dan melaksanakan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia ini, beberapa siri Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) telah dirangka, iaitu NPANM I (1996-2000), NPANM II (2006-2015) dan NPANM III (2016-2025) (NCCFN, 1995; 2006; 2016).

Walau bagaimanapun, DPKM perlu disemak semula dan diperkukuhkan selari dengan perubahan pesat corak pemakanan dan peningkatan masalah beban berganda malpemakanan dalam kalangan rakyat Malaysia yang akan mempengaruhi kesejahteraan pemakanan. Semakan dasar ini mengambilkira komitmen dan strategi berkaitan pemakanan di peringkat kebangsaan termasuklah Rancangan Lima Tahun Malaysia (RMK) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030. Ia turut mengambilkira komitmen di peringkat global seperti Matlamat Pembangunan Mampan, (SDG) 2015-2030, *The Rome Declaration II on Nutrition and Framework for Action* dan Sasaran Pemakanan Global (GNT) 2025.

Kepentingan pemakanan yang baik untuk keseluruhan status kesihatan sememangnya telah diakui. Untuk mencapai dan mengekalkan kesihatan yang baik, bekalan makanan yang mencukupi, berzat, selamat dan berkualiti perlu diperoleh. Maklumat mengenai pilihan makanan yang sihat juga perlu disampaikan kepada masyarakat. Ini memerlukan komitmen dan usaha bersepadu daripada pelbagai sektor. Oleh itu, DPKM menyediakan satu platform untuk penyelarasan antara sektor bagi menggembleng tenaga ke arah mencapai tahap pemakanan masyarakat yang optimum.



Dokumen-dokumen dasar dan pelan tindakan di peringkat global, serantau dan kebangsaan telah diambilkira dalam semakan DPKM seperti di Rajah 2.1 berikut:

Rajah 2.1: Dokumen dasar dan pelan yang relevan dalam semakan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia

Dokumen-dokumen di peringkat global

The Sustainable Development Goals (SDGs) 2030

The Rome Declaration on Nutrition and Framework for Action of the Second International Conference on Nutrition (ICN2) 2014

Global Nutrition Target 2025

Scaling-Up Nutrition (SUN)

Global Monitoring Framework for Maternal, Infant and Young Child Nutrition

Dokumen-dokumen di peringkat serantau

UNICEF's Strategic Approach to Nutrition Programming in the East Asia and Pacific Region 2014-2025

Regional Report on Nutrition Security in ASEAN

Dokumen-dokumen di peringkat kebangsaan

Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) III, 2016-2025



Rancangan Malaysia Ke-11 2016-2020

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Pelan Tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia 2016-2020

Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan 2007



Dasar Warga Emas Negara 2011

Dasar Kesihatan Warga Emas Negara 2008

Dasar Kesihatan Remaja Negara 2001

National Strategic Plan for Non-Communicable Disease (NSP-NCD) 2016-2025

03 SITUASI PEMAKANAN DI MALAYSIA

Sejak beberapa dekad yang lalu,

situasi pemakanan di Malaysia telah berubah secara signifikan daripada masalah kekurangan pemakanan kepada beban berganda malpemakanan.

Pertumbuhan penduduk warga emas juga dijangkakan akan menyumbang kepada peningkatan penyakit-penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan.

3.1 Status Pemakanan

Malaysia sedang berhadapan dengan masalah beban berganda malpemakanan, di mana terdapat peningkatan kadar obesiti serta masalah kekurangan pemakanan terutamanya dalam kalangan kanak-kanak bawah lima tahun. Kekurangan pemakanan, terutamanya bantut dan susut dalam kalangan kanak-kanak bawah lima tahun, masih menjadi masalah yang perlu diberi perhatian serius walaupun terdapat penurunan dalam prevalen susut. Seperti yang telah dilaporkan di dalam Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS), terdapat sedikit peningkatan dari segi prevalen kanak-kanak bawah lima tahun yang kurang berat badan (12.7% pada tahun 2006 kepada 13.7% pada tahun 2016 dan 14.1% pada tahun 2019). Prevalen bantut dalam kalangan kanak-kanak juga menunjukkan peningkatan daripada 17.5% pada tahun 2006 kepada 20.7% pada tahun 2016 dan 21.8% pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, prevalen susut dalam kalangan kanak-kanak bawah 5 tahun telah menurun iaitu daripada 13.2% pada tahun 2006 kepada 11.5% pada tahun 2016 dan 9.7% pada tahun 2019. Terdapat sedikit penurunan dan peningkatan dalam prevalen berlebihan berat badan dalam kalangan kanak-kanak ini iaitu daripada 5.8% pada tahun 2006 kepada 6.0% pada tahun 2016 dan 5.2% pada tahun 2019.



Bagi golongan remaja Malaysia berumur 10 hingga 17 tahun, NHMS 2017 melaporkan terdapat penurunan prevalen bantut daripada 10.1% pada tahun 2012 kepada 8.2% pada tahun tersebut. Prevalen susut dalam kalangan remaja juga telah menurun daripada 7.4% pada tahun 2012 kepada 6.6% pada tahun 2017. Sementara itu, prevalen berlebihan berat badan dan obesiti dalam kalangan remaja semakin meningkat, iaitu masing-masing meningkat daripada 14.6% dan 12.3% pada tahun 2012 kepada 15.6% dan 14.8% pada tahun 2017.

Prevalen obesiti dalam kalangan orang dewasa telah meningkat lebih daripada tiga kali ganda dalam tempoh 10 tahun (1996 - 2006), iaitu daripada 4.4% pada tahun 1996 kepada 14.0% pada tahun 2006. Namun, kadar kenaikan prevalen obesiti telah berjaya dikurangkan, dengan sedikit kenaikan kepada 15.1% pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan kekal sebagai masalah utama kesihatan awam di mana prevalen orang dewasa dengan hiperkolesterolemia dan diabetes melitus telah meningkat secara signifikan. Pada tahun 2015, prevalen hipertensi dalam kalangan orang dewasa berumur 18 tahun dan ke atas adalah 30.3%, hiperkolesterolemia 47.7%, diabetes 17.5%, berlebihan berat badan 30.0% dan obesiti 17.7% **(IKU, 2015)**. Sementara itu, seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.1, data NHMS terkini pada tahun 2019 menunjukkan prevalen bagi hampir kesemua parameter adalah meningkat kecuali bagi hipertensi dan hiperkolesterolemia **(IKU, 2020)**.



Rajah 3.1: Trend kebangsaan bagi obesiti dan lain-lain penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan di Malaysia

Prevalen anemia dalam kalangan wanita dalam kumpulan umur reproduktif (15 hingga 49 tahun) juga perlu diberi perhatian. Prevalen anemia dalam golongan ini adalah masih tinggi walaupun terdapat penurunan daripada 34.7% (NHMS 2015) kepada 29.9% (NHMS 2019). Sehubungan itu, usaha bersepadu daripada semua pihak amatlah diperlukan untuk menangani masalah ini dengan segera.

Penurunan daripada

34.7% *(NHMS 2015)* **Kepada** **29.9%** *(NHMS 2019)*

Hasil NHMS 2018 menunjukkan 30.8% warga emas berumur 60 tahun dan ke atas mengalami masalah malpemakanan, dengan 5.2% daripada mereka adalah kurang berat badan, 37.0% berlebihan berat badan dan 17.6% adalah obes. Sebanyak 23.2% warga emas juga menjalani hidup yang tidak aktif (sedentari).



NHMS 2018

3.2 Pengambilan Makanan

Perubahan demografi dan pola pemakanan yang pesat seiring dengan pembangunan ekonomi telah mengubah tabiat makanan dan gaya hidup rakyat Malaysia. Industrialisasi, revolusi dan pemasaran makanan yang agresif telah mempengaruhi corak pengambilan dan kegunaan makanan penduduk. Peningkatan bilangan restoran makanan segera dalam tempoh dua dekad ini serta kurangnya kawalan terhadap pemasaran makanan yang diproses serta produk minuman bergula telah meningkatkan kebolehdapatan dan akses kepada pilihan makanan yang tidak sihat di mana ianya dikaitkan dengan peningkatan prevalen penyakit-penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan.

Pengambilan makanan yang tidak sihat di kalangan masyarakat sejak dari peringkat bayi sehingga warga emas merupakan isu nasional. Hasil NHMS 2016 menunjukkan bahawa amalan penyusuan susu ibu secara eksklusif dalam kalangan bayi berumur enam bulan telah meningkat kepada 47.1% berbanding 14.5% pada tahun 2006. Walau bagaimanapun, hanya 66.4% bayi menerima kepelbagaian makanan yang minima dan prevalen ini perlu ditingkatkan.

Hasil NHMS 2017 menunjukkan pola pengambilan makanan yang kurang baik dalam kalangan murid sekolah di Malaysia di mana tujuh daripada 10 orang murid kerap tidak mengambil sarapan pagi, manakala lima daripada 10 orang murid kerap melangkau waktu makan tengahari dan makan malam. Walau bagaimanapun, prevalen murid sekolah yang mengambil sarapan pagi dan makan malam setiap hari telah meningkat sekurang-kurangnya 2% berdasarkan NHMS 2012, iaitu 28.1% pada 2012 kepada 30.0% pada 2017 untuk sarapan pagi, dan 52.6% pada 2012 kepada 54.6% pada 2017 untuk makan malam. Sebanyak 54.8% murid sekolah mengambil makanan berat selepas makan malam, iaitu di antara satu hingga tiga hari seminggu.

Survei Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan secara berkala oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati semakin banyak isi rumah yang makan di luar. Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019 menunjukkan bahawa 28.5% daripada perbelanjaan bulanan isi rumah di Malaysia adalah untuk makanan dan minuman termasuklah makan di luar rumah **(DOSM, 2020)**. Laporan ini turut menyatakan bahawa perbelanjaan bagi penyediaan makanan di rumah telah berkurangan. Sebaliknya, perbelanjaan makanan di luar rumah pula telah meningkat. Menurut Institut Penyelidikan Khazanah, perbelanjaan untuk makanan di luar rumah telah meningkat daripada 12.0% pada tahun 1973 kepada 41.6% pada tahun 2016 **(Jomo KS dan Tan Zg, 2019)**. Sementara itu, hasil Tinjauan Pemakanan Orang Dewasa Malaysia **(MANS) 2014** mendapati bahawa hampir separuh daripada orang dewasa di Malaysia yang tinggal di kawasan bandar membeli makanan di luar rumah **(IKU, 2014)**.

PENDUDUK MALAYSIA MEMBELANJAKAN

28.5%

DARIPADA PENDAPATAN BULANAN UNTUK PERBELANJAAN MAKANAN DAN MINUMAN

DOSM, 2020

Hasil Tinjauan MANS 2014 juga menunjukkan satu daripada dua orang dewasa di Malaysia mengambil protein dan lemak melebihi saranan. Orang dewasa di Malaysia juga tidak mencapai saranan Garis Panduan Pemakanan Malaysia (MDG) 2010 untuk mengambil daripada dua sajian buah-buahan sehari (59.1%), tiga sajian sayur-sayuran sehari (81.7%), dan satu sajian susu dan produk tenusu sehari (73.6%)**(NCCFN, 2010)**. Hampir 80% orang dewasa juga mengambil makanan tinggi sodium dalam diet mereka **(IKU, 2014)**. Selain itu, berdasarkan Tinjauan NHMS 2018, hanya 10.8% warga emas dilaporkan mengambil buahan-buahan yang mencukupi iaitu sekurang-kurangnya dua sajian sehari dan 10.9% mengambil sayur-sayuran yang mencukupi iaitu sekurang-kurangnya tiga sajian sehari **(IKU, 2018)**.

3.3 Sekuriti Makanan dan Pemakanan

Berdasarkan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), sekuriti makanan wujud apabila semua orang, pada setiap masa, mempunyai akses fizikal dan ekonomi ke makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat bagi memenuhi keperluan pemakanan mereka untuk mencapai hidup yang sihat dan aktif (FAO, 2003). Manakala, sekuriti pemakanan lebih menekankan kepada kualiti diet, iaitu dari segi kepelbagaian, diversiti, kandungan nutrien dan keselamatan makanan untuk memenuhi keperluan pemakanan seseorang, di samping persekitaran yang bersih serta penjagaan kesihatan dan pendidikan yang mencukupi **(CFS, 2011)**. Empat dimensi utama bagi sekuriti makanan adalah kebolehdapatan, kebolehcapaian, penggunaan dan kestabilan bekalan makanan **(Rainer G et. al, 2000)**.

Trend Global menjangkakan peningkatan keperluan makanan sebanyak 35% berikutan peningkatan populasi dunia yang dijangka sebanyak 8.3 bilion pada tahun 2030 (NIC, 2012). Malaysia sedang menggandakan usaha bagi memastikan sekuriti makanan dalam negara. Oleh itu, pengeluaran hasil makanan dan pertanian adalah elemen penting dalam sekuriti makanan dan pemakanan untuk memastikan kestabilan dan kebolehdapatan bekalan makanan yang sihat dan mampu dibeli untuk penduduk. Dalam hal ini, Dasar Agromakanan Negara merupakan dasar yang penting bagi memastikan pembangunan pertanian yang mampan dan menggalakkan industri agromakanan (MAFI, 2011). Jumlah bekalan makanan dalam negara dan jumlah makanan per kapita telah meningkat bagi hampir kesemua kategori makanan kecuali bagi susu dan produk tenusu. Pengeluaran makanan tempatan dan import bagi beberapa jenis makanan turut meningkat untuk memenuhi keperluan makanan penduduk. Walaupun kebolehdapatan makanan bukanlah satu isu di Malaysia, namun ia tidak menjamin capaian kepada pilihan makanan yang lebih sihat dengan harga yang berpatutan untuk semua penduduk.

Kebolehdapatan makanan dengan harga yang berpatutan kekal sebagai satu isu di kalangan penduduk daripada golongan berpendapatan rendah (B40). Menurut Laporan *The State of Household II* 2016 oleh Institut Penyelidikan Khazanah, Indeks Harga Pengguna (IHP) untuk makanan menunjukkan trend yang semakin meningkat sejak tahun 2003 hingga 2014 (KRI, 2016). IHP makanan juga telah meningkat dengan kadar yang lebih cepat dibandingkan dengan IHP secara amnya, di mana ia memberi kesan kepada isi rumah berpendapatan rendah. Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) 2019 melaporkan isi rumah dengan pendapatan RM2,000 membelanjakan 39.4% pendapatan mereka untuk membeli makanan (DOSM, 2020). Oleh itu, peningkatan IHP makanan telah memberi kesan kepada kos sara hidup bagi golongan berpendapatan rendah B40.

Hasil Tinjauan Pemakanan Orang Dewasa Malaysia (MANS) 2014 melaporkan bahawa kekangan kewangan merupakan faktor kepada penyebab kepada ketidakcukupan kuantiti makanan (25%), kepelbagaian makanan (26%) dan tabiat melangkau waktu makan (15%) (IKU, 2014). Hasil NHMS 2018 juga mendapati 10.4% warga emas mengalami masalah sekuriti makanan, di mana 19% daripada mereka berasal dari kawasan pedalaman dan 7% dari kawasan bandar. Prevalen masalah sekuriti makanan dalam kalangan warga emas adalah lebih tinggi bagi mereka yang tidak mendapat pendidikan formal dan berpendapatan kurang daripada RM1,000 (IKU, 2017).



04 VISI

05 MISI

i

Untuk mengurangkan beban berganda malpemakanan dalam kalangan penduduk.

ii

Untuk mempertingkatkan sekuriti makanan dan pemakanan melalui sistem makanan yang mampan.

iii



Untuk memperkukuhkan kerjasama dan perkongsian pelbagai sektor dalam melaksanakan strategi serta program yang spesifik dan sensitif kepada pemakanan.

06 STRATEGI

01

Memasukkan objektif, pertimbangan dan komponen pemakanan ke dalam pembangunan dasar, pelan tindakan dan program di peringkat kebangsaan.

02

Memperkukuh tadbir urus pemakanan melalui perundangan dan komitmen politik yang padu serta sokongan daripada pemegang taruh utama dan pertubuhan dalam masyarakat.

03

Memperkukuh sistem kesihatan untuk menangani masalah beban berganda malpemakanan serta sekuriti makanan dan pemakanan secara berkesan dengan sumber yang mencukupi dan pengukuhan kapasiti.

04

Melibatkan, menggembleng tenaga dan mempergiatkan pihak berkepentingan yang berkaitan dalam menyokong pelaksanaan strategi, program dan aktiviti pemakanan.

05



Memastikan dan mempertingkatkan sekuriti makanan dan pemakanan kepada semua terutamanya daripada kumpulan rentan melalui sistem makanan yang mampan termasuk kesediaan dan tindakbalas semasa kecemasan dan bencana kebangsaan.

06

Mendayaupaya individu, keluarga dan masyarakat sebagai agen perubahan dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan pemakanan mereka.

07

Menyedia dan memantapkan persekitaran kondusif yang menyokong amalan pemakanan sihat serta fasiliti merentasi pelbagai setting dan kumpulan sasar.

08



Memastikan semua lapisan masyarakat berupaya mencapai teknologi dan maklumat pemakanan yang boleh dipercayai bagi membolehkan mereka membuat pilihan dan keputusan yang tepat.

09

Membangun dan melaksanakan strategi dan program pencegahan, intervensi dan pemulihan pemakanan yang inovatif dan berkesan untuk menangani masalah beban berganda malpemakanan di semua setting dan peringkat.

10

Mempertingkat strategi dan program pemakanan untuk bayi dan kanak-kanak kecil, remaja dan wanita dalam umur reproduktif.

11

Mempertingkat intervensi pemakanan kepada kumpulan rentan termasuk Orang Asli, miskin bandar, kanak-kanak tanpa dokumen, orang kelainan upaya serta kanak-kanak dan warga emas berkeperluan khas.

12

Membangun dan memperkukuh keupayaan pemakanan kebangsaan ke arah penuaan yang sihat.

13

Memperkukuh keupayaan pemantauan dan penilaian serta penyelidikan dan pembangunan dalam bidang makanan dan pemakanan merentasi sektor.

07 MEKANISME PELAKSANAAN

Pelaksanaan DPKM adalah di bawah bidang kuasa **Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK)**. MKMPK merupakan badan penasihat tertinggi di peringkat kebangsaan yang menyediakan khidmat nasihat berkaitan keselamatan makanan dan pemakanan di Malaysia. Majlis ini dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia. Ia dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan daripada agensi kerajaan, wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan profesional. Penubuhan MKMPK telah diluluskan oleh Kabinet pada 21 Mac 2001. Objektif Majlis ini adalah untuk memastikan kesihatan pengguna dijamin dengan memperkukuhkan keselamatan makanan di semua peringkat rantaian bekalan makanan di negara ini dan memastikan rakyat Malaysia mencapai taraf pemakanan yang optimum. Majlis ini bersidang sekurang-kurangnya satu kali setahun bergantung kepada keperluan dan isu-isu berbangkit. Majlis ini diselaraskan oleh sekretariat bersama iaitu Bahagian Pemakanan dan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Di bawah Majlis ini, **Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan untuk Makanan dan Pemakanan (NCCFN)** yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) bertindak sebagai penasihat teknikal dan penyelaras kepada MKMPK. Jawatankuasa ini dianggotai oleh gabungan sektor awam dan swasta berdasarkan kepakaran masing-masing. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memantau dan menilai pelaksanaan strategi dan aktiviti dalam NPANM. Mesyuarat NCCFN diadakan sebanyak dua kali setahun. Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan merupakan sekretariat kepada Jawatankuasa ini. Pada masa ini, terdapat enam Kumpulan Kerja Teknikal (KKT) di bawah NCCFN, iaitu:

KUMPULAN-KUMPULAN KERJA TEKNIKAL

ini bertanggungjawab untuk melaksanakan strategi dan aktiviti yang digariskan di dalam NPANM.

1. 

KKT Dasar Pemakanan

2.
KKT Garis Panduan Pemakanan

3.
KKT Penyelidikan Pemakanan

4.
KKT Latihan Pemakanan

5.

KKT Advokasi Pemakanan

6.
KKT Sekuriti Makanan dan Pemakanan

Seperti yang dinyatakan pada Rajah 6.1, DPKM merupakan satu mandat dan menyediakan hala tuju pemakanan di negara ini, di mana ia diterjemahkan kepada tindakan melalui NPANM. Setiap KKT di bawah NCCFN bertugas mengikut bidang keutamaan serta strategi pemboleh dan pemudah teras di bawah NPANM untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti yang digariskan di dalam NPANM.

Selain itu, aktiviti-aktiviti NPANM dilaksanakan di pelbagai peringkat dalam rangka kerja pelbagai sektor. Di peringkat kebangsaan, pelaksanaan NPANM diselaraskan oleh Bahagian Pemakanan dengan sokongan daripada Bahagian-bahagian lain di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Sementara itu, pelaksanaan aktiviti NPANM di peringkat negeri, daerah atau klinik diselaraskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah.

Penglibatan dan kerjasama pemegang-pemegang taruh diteruskan dengan kementerian, badan bukan kerajaan, badan professional, universiti dan sektor swasta yang berkaitan terutamanya industri makanan serta badan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) dan negara ASEAN untuk memperkukuhkan pelaksanaan NPANM.

Rajah 6.1: Struktur tadbir urus Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia

08 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pemantauan dan penilaian berkala DPKM diintegrasikan ke dalam NPANM serta pelbagai dasar dan pelan tindakan kebangsaan yang berkaitan. Dua platform utama untuk memantau dan menilai pelaksanaannya ialah Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan untuk Makanan dan Pemakanan dan Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan . Mesyuarat berkala dijalankan oleh enam Kumpulan Kerja Teknikal di bawah NCCFN untuk memantau kemajuan dan pencapaian aktiviti-aktiviti yang telah dikenalpasti. Laporan kemajuan NPANM juga dibentangkan dalam mesyuarat NCCFN setiap dua kali setahun dan MKMPK setiap tahun.

Sasaran Pemakanan Global 2025 dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 telah diambilkira dalam menetapkan sasaran untuk menilai pencapaian strategi atau aktiviti yang terdapat dalam dasar ini.

GLOSARI

A

Anemia
Anaemia

Keadaan di mana kepekatan hemoglobin (Hb) dalam darah lebih rendah daripada paras normal. Apabila kepekatan hemoglobin menurun, keupayaan darah untuk membawa oksigen ke tisu badan terjejas, yang mengakibatkan gejala seperti keletihan, kurang keupayaan melalukan aktiviti fizikal dan sesak nafas.(WHO, 2017)

B

Bantut
Stunting

Satu bentuk kekurangan pemakanan yang paling biasa berlaku di mana seseorang mempunyai ketinggian yang rendah untuk umurnya (di bawah dua sisihan piawai dari median Standard Pertumbuhan Kanak-kanak WHO).(WHO, 2006)

Beban Penyakit
Disease burden/ burden of disease

Beban kos yang ditanggung oleh seseorang individu dan masyarakat yang disebabkan oleh sesuatu penyakit dan ketidakupayaan dengan mengambilkira faktor kesihatan, sosial, politik, persekitaran dan ekonomi.(CDC, 2019)

Beban Penyakit
Disease burden/ burden of disease

Keadaan di mana masalah kekurangan pemakanan, berlebihan pemakanan dan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan yang wujud secara serentak di dalam sesebuah negara, masyarakat, isi rumah malah dalam diri seorang kanak-kanak yang sama.(Shrimpton R and Roks C, 2012)

